

17 FEB 2003

NAM-Mahathir (Deklarasi)/I

DEKLARASI KL NYATAKAN PENDIRIAN ANTI PERANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Deklarasi Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan pada penghujung Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Ke-13 antara lain akan menyatakan sentimen anti peperangan yang dikongsi para pemimpin pergerakan itu.

"Sudah tentu mengenai pendirian anti perang kita bahawa perang bukan penyelesaian kepada konflik antarabangsa," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta membayangkan kandungan deklarasinya itu.

Beliau bercakap pada sidang media selepas menyaksikan raptai penuh upacara perasmian sidang kemuncak berkenaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Sidang itu akan berlangsung pada 24 dan 24 Feb ini.

Dr Mahathir berkata fokus mesyuarat itu juga adalah bagi membincangkan bahawa perang seharusnya bukan dijadikan instrumen untuk menyelesaikan pertikaian antara negara.

Ditanya mengenai pendirian Amerika Syarikat dan Britain yang semakin lembut terhadap rancangan untuk menyerang Iraq, beliau berkata: "Tetapi kita ingin menyaksikan sejauh mana lembutnya pendirian itu."

Ekoran demonstrasi anti perang yang disertai jutaan peserta di seluruh dunia hujung minggu lepas, Amerika Syarikat dan Britain kini dilaporkan mengambil pendirian yang lembut dalam menyediakan draf resolusi yang akan dibentangkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi mendapatkan kebenaran menggunakan kekerasan terhadap Baghdad.

Demonstrasi yang besar turut dianjurkan di negara-negara yang pemimpinnya menyokong gesaan Presiden George W. Bush supaya dilancarkan perang bagi melucutkan senjata Iraq.

Dr Mahathir berkata beliau jangka AS dan Britain akan tetap dengan rancangan menyerang Iraq walaupun jika pasukan pemeriksa senjata PBB tidak menemui sebarang senjata pemusnah di negara itu atau sebarang sebab yang menjustifikasikan serangan.

"Apa yang menghairankan kira ialah mereka bersikap jika tiada senjata pemusnah dijumpai, maka Iraq menyembunyikannya. Jadi ia sangat sukar.

"Jadi macam mana sekalipun, Iraq tetap akan menerima (serangan) kerana jika mereka (pasukan pemeriksa senjata PBB) tidak menemuinya (senjata pemusnah), ia tentu disembunyikan. Ini saya tidak faham."

Oleh itu, menurut Dr Mahathir, Iraq akan berada dalam keadaan di mana ia perlu "membuktikan (ia memiliki) senjata-senjata pemusnah" jika mahu mengelak peperangan.

Beliau berkata walaupun pemeriksaan senjata dilanjutkan setahun atau dua tahun lagi, AS dan Britain akan tetap ingin memastikan senjata seperti itu dijumpai di Iraq.

"(Sedangkan) terdapat bukti Iraq telah memusnahkan kebanyakan daripada senjata pemusnah yang dimilikinya, dan telahpun disahkan oleh pasukan pemeriksa sebelum ini," tambahnya.

-- BERNAMA

MAD MAM JK MOZ